

**Perhimpunan Agung Umno 2011 Berjaya Bangkitkan Semangat Baru - Najib Bernama
03 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno 2011 berjaya mencetuskan satu kebangkitan semangat baru yang menunjukkan pemulihan sepenuhnya Umno selepas pilihan raya umum lalu, kata Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata perhimpunan itu yang disifatkannya amat bersejarah dan berjaya, juga dapat membangkitkan kesedaran kepada perwakilan bahawa Umno sedang berhadapan dengan cabaran besar.

"Tetapi berkat daripada perpaduan kita yang jitu dan barisan yang ampuh dan komitmen kita yang tinggi, tahap keyakinan kita, InsyaAllah kita akan berjaya dalam menghadapi sebarang ujian," katanya pada sidang media selepas berakhirnya perhimpunan tersebut di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

"Perhimpunan ini kalau bersandarkan kepada penilaian yang saya lakukan, mungkin saya 'bias' (memihak) tapi saya rasakan perhimpunan ini amat berjaya dan amat bersejarah kerana ini merupakan satu tanda pemulihan sepenuhnya Umno selepas pilihan raya yang lalu," kata Najib yang juga Perdana Menteri.

Ditanya ucapan dasarnya yang dilihat sesetengah pihak 'tiada aura' berbanding ucapan penggulangannya hari ini seperti berada di 'zon perang', Najib berkata: "Nak beri semangat, saya simpan pada masa penutup."

Presiden Umno berkata ucapan dasar beliau meletakkan fokus kepada beberapa gagasan yang perlu difahami para perwakilan.

"Saya nak tekankan, penting sekali konsep orang Umno itu difahami. Kita lihat pada sejarah bahawa Umno banyak berjasa kepada negara dan orang Melayu, dan kita melalui fasa 'game-changer' (pencetus perubahan)," katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=631686>